



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## KENYATAAN MEDIA

### **Majlis Penutup Hari Sukan MITI 2017 & Program Sumbangan Beg Sekolah**

KUALA LUMPUR, Disember 14, 2017 – Majlis Penutup Hari Sukan MITI 2017 & Program Sumbangan Beg Sekolah anjuran Kelab MITI bersama-sama dengan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan MITI telah diadakan hari ini di Dewan Perdana MITI, Kuala Lumpur.

Seramai lebih 200 warga MITI telah hadir meraikan majlis tersebut. YB. Datuk Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Industri MITI menyempurnakan pembukaan majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang Hari Sukan MITI 2017 dan beg-beg sekolah kepada anak-anak warga MITI.

Sebanyak 13 acara telah dipertandingkan sepanjang tahun 2017 termasuk badminton, bola tampar, futsal, sepak takraw, bola jaring dan sebagainya. Rumah Biru muncul sebagai juara keseluruhan selepas persaingan sengit dengan Rumah Hijau, Merah dan Kuning.

Kelab MITI dan PUSPANITA telah menyumbang 271 buah beg sekolah kepada anak-anak warga MITI. Sumbangan yang julung kalinya diadakan ini menandakan keprihatin MITI terhadap warganya dan diharap dapat meringankan bebanan warga MITI dalam persiapan anak-anak bagi permulaan tahun persekolahan yang baharu.

Majlis turut meraikan kejayaan Cik Norain Fatihah Mohammed Yusoff, pegawai MITI yang meraih pingat perak acara catur di Sukan Para ASEAN 2017, baru-baru ini. Cik Norain telah mewakili Malaysia dalam 3 edisi Sukan Para ASEAN dan beliau seterusnya akan menyertai Sukan Para Asia 2018 di Jakarta, Indonesia.

**-TAMAT-**

#### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**Unit Komunikasi Strategik**

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mel [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)